

Rajah 5.13 (m.s. 180) menunjukkan persamaan dan perbezaan prestasi kognitif peserta kajian pelbagai pencapaian. Walaupun pengetahuan sedia ada semua peserta kajian tidak sama, keenam-enam peserta kajian dapat memindahkan maklumat yang dipelajari ke peringkat STM dan semua peserta kajian menunjukkan prestasi kognitif yang menghampiri seratus peratus. Prestasi kognitif yang diperolehi bergantung kepada kepelbagaian strategi kognitif yang digunakan oleh peserta kajian tersebut, sebagaimana yang dibincangkan dalam dapatan Soalan Kajian Satu. Selepas melebihi tempoh sebulan, maklumat yang dapat dikeluarkan dari LTM didapati berkurangan. Strategi kognitif di peringkat LTM digunakan sekali lagi untuk membolehkan maklumat disimpan dengan baik dan dapat dikeluarkan apabila diperlukan. Walaupun corak peningkatan dan penurunan prestasi kognitif dalam kalangan peserta kajian adalah sama, tetapi kapasiti maklumat yang disimpan dan dikeluarkan adalah berbeza.

Perubahan Strategi Kognitif di Peringkat STM dan LTM

Bahagian seterusnya akan tertumpu kepada perubahan strategi kognitif dalam usaha untuk mengekalkan maklumat di peringkat STM diikuti dengan LTM. Rajah 5.14 (m.s. 182) menunjukkan rumusan penggunaan strategi kognitif yang digunakan oleh peserta kajian dalam usaha untuk menyimpan maklumat di kedua-dua komponen ingatan tersebut.

Lima strategi kognitif utama yang dapat dikesan di peringkat STM dan LTM adalah strategi pengkodan, strategi ulangan, strategi imej mental, strategi pengelompokan dan strategi perkaitan. Walau bagaimanapun, setiap strategi yang dinyatakan menunjukkan kepelbagaian yang berbeza. Strategi pengkodan di peringkat STM melibatkan penggunaan strategi akronim dan strategi akrostik, manakala di peringkat LTM hanya strategi akrostik yang dikesan. Strategi pembinaan imej mental

juga menunjukkan variasi di mana imej mental deskriptif dan imej mental ion dalam Jadual Berkala Unsur yang dikesan di peringkat STM tidak lagi kelihatan di peringkat LTM. Strategi akrostik yang ditukar pada imej mental juga dikenalpasti berlaku di peringkat LTM, manakala strategi penyusunan semula dilakukan oleh peserta kajian di peringkat STM sahaja. Kedua-dua strategi penyusunan dikelaskan sebagai penyusunan secara hierarki dan penyusunan semula mengikut keselesaan peserta kajian mengingati atau mengeluarkan semula maklumat dari ingatan. Lima kategori strategi pengelompokan dikesan di peringkat STM didapati berkurangan kepada dua kategori sahaja di peringkat LTM. Kedua-dua strategi pengelompokan di peringkat LTM masih digunakan oleh peserta berprestasi rendah. Peserta kajian berprestasi tinggi dan sederhana hanya menggunakan strategi pengelompokan di peringkat STM.

Rumusan

Keseluruhan dapatan kajian telah dapat menjawab kesemua soalan kajian. Strategi kognitif yang digunakan oleh peserta kajian berprestasi tinggi, sederhana dan rendah telah dapat dikesan di peringkat STM dan LTM. Prestasi peserta kajian pelbagai pencapaian juga telah diperolehi dan perubahan strategi dan prestasi kognitif peserta kajian juga telah dapat dikenal pasti dan diringkaskan di akhir perbincangan.